

Lambakan maklumat palsu ganggu proses demokrasi

• Gejala lambakan berita palsu bukan baharu, malah boleh dianggap antara senjata perang saraf sentiasa digunakan dalam menambah atau mengurangkan sokongan terhadap sesuatu entiti politik

• Parti politik perlu bertanding secara budiman dan sentiasa mengawasi tingkah laku agar tidak melanggar undang-undang. Pada masa sama pengundi mesti bijak menyelidik maklumat sama ada benar atau sebaliknya

Oleh Dr Hafidz Hakimi Haron
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Undang-Undang, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Sudah adat dalam pilihan raya, parti atau jentera pastinya akan membangkitkan pelbagai isu untuk meraih sokongan dan simpati pengundi. Ramai penganalisis menjangkakan isu seperti integriti, tadbir urus, ekonomi dan kenaikan kos hidup bakal menjadi tumpuan dalam kempen Pilihan Raya Negeri (PRN), termasuk 3R (Raja, agama dan kaum).

Berbeza dengan dahulu, akses maklumat kini menjadi lebih mudah seiring perkembangan teknologi, bahkan semakin penting dalam menyalurkan manifesto mahupun propaganda parti bertanding bagi meraih sokongan mahupun melemahkan lawannya.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), media sosial menjadi antara penentu utama dalam mewujudkan kemenangan mahupun kekalahan calon bertanding. Oleh itu, kempen pada hari ini boleh ditafsirkan sebagai medan peperangan maklumat.

Namun, kemudahan akses terhadap penciptaan dan penerimaan maklumat menjelmakan permasalahan baharu, iaitu lambakan maklumat atau disebut sebagai infodemic. Ini menuntut pengurusan maklumat baik kerana tanpanya, ia akan membuka kepada masalah lebih besar seperti penyebaran dan penciptaan berita palsu, hasutan serta fitnah.

Hakikatnya, pilihan raya menjadi tanda utama demokrasi dengan rakyat bebas memilih wakil pemimpin mereka dalam mengamalkan sistem mendokong pemerintahan rakyat. Oleh itu, adalah mustahak untuk memastikan pengundi mendapat maklumat mencukupi bagi memilih kepemimpinan tepat untuk mengemudi kerajaan bakal dipilih.

Maklumat tepat dalam pilihan raya merangkumi latar belakang calon, manifesto dan hala tuju parti perlu diperoleh dalam keadaan telus, tulus serta bebas. Ini pernah diutarakan ahli falsafah British, Alexander Meiklejohn, menyatakan kebebasan harus dilindungi kerana ia antara syarat penting dalam menentukan hala tuju pentadbiran sendiri negara mengamalkan konsep demokrasi penyertaan.

Ini penting kerana sesebuah proses politik demokratik sekiranya rakyat dihalang menyatakan pandangan, menerima dan memberi maklumat secara terbuka, sekali gus memusuhi perbezaan pendapat membina. Justeru, keperluan melindungi kebebasan maklumat dan kebebasan bersuara dalam konteks pilihan raya bertepatan dengan semangat Per-

kara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun kebebasan maklumat dituntut dalam pilihan raya demokratik, infodemic mampu merumitkan permasalahan pengurusan maklumat sedia ada dan mencipta permasalahan baharu.

Fenomena infodemic ini mampu menggugat kepercayaan pengundi membezakan sama ada sesebuah maklumat itu bersifat konstruktif atau destruktif.

Dilema utama sering dihadapi ketika pilihan raya adalah gejala lambakan berita palsu. Ia bukan baharu, malah boleh dianggap antara senjata perang saraf sentiasa digunakan dalam menambah atau mengurangkan sokongan terhadap sesuatu entiti politik.

Kuat kuasa Akta Anti Berita Palsu 2018

Dalam usaha mengekang penularan berita palsu pada pilihan raya, Parlimen pernah meluluskan Akta Anti Berita Palsu 2018 dikuatkuasakan pada April tahun itu, iaitu kira-kira sebulan sebelum PRU14, tetapi hanya bertahan setahun kerana dimansuhkan.

Ini kerana akta itu didapati mampu mengganggu hak kebebasan bersuara. Namun, pemanusuhannya bukanlah bererti penularan berita palsu tidak langsung dikawal selia undang-undang.

Penyebar atau pencipta berita palsu masih boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia yang seseorang boleh dihukum sekiranya terbabit dalam penciptaan dan penyebaran kandungan diatas talian bersifat lucah, palsu atau mengancam individu lain. Melalui peruntukan ini, seseorang disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Tindakan undang-undang juga boleh diambil ke atas maklumat palsu disampaikan melalui media bercetak di bawah Seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

Selain bahana berita palsu, kesalahan berbentuk hasutan juga dilihat berpotensi menjadi duri dalam daging dalam masyarakat terutama ketika kempen pilihan raya. Dalam perkara ini, perhatian khusus perlu diberikan kepada isu 3R kerana sekiranya tidak dibincang dan dibicarakan dengan cermat, ia mampu mencetuskan ketidakharmonian dalam masyarakat.

Tindakan undang-undang boleh diambil sekiranya bahan kempen didapati mempunyai 'kecenderungan menghasut' seperti digariskan di bawah Akta Hasutan 1948.

Di samping itu, Seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 turut berperanan supaya maklumat



boleh menimbulkan kebencian ketika pilihan raya dapat dikawal.

Menurut peruntukan ini, mengembangkan perasaan jahat dan permusuhan dalam kalangan rakyat ketika pilihan raya bagi tujuan meraih undi atau mendorong pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi ketika pilihan raya adalah kesalahan jenayah.

Sekiranya sabit, pesalah boleh dijatuhkan hukuman penjara, denda atau kedua-duanya sekali.

Realitinya, kesalahan fitnah dan pilihan raya amat sukar dipisahkan walaupun menjadi masalah zaman-berzaman. Ia dilihat semakin buruk akibat ledakan kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan media sosial yang membolehkan fitnah berkenaan membawa kesan lebih buruk serta disebarkan lebih pantas.

Di negara ini, mekanisme pengawalan fitnah boleh diklasifikasikan berdasarkan jenis tindakan undang-undang diambil ke atas pemfitnah. Sekiranya tindakan bersifat sivil, ia diselia di bawah Akta Fitnah 1957 yang membolehkan tindakan saman malu diambil ke atas pemfitnah.

Tindakan ini memberi ruang kepada individu difitnah untuk menuntut reputasinya dibersihkan melalui permohonan maaf dan kenyataan fitnah berkenaan ditarik semula. Di samping itu, ia turut menyediakan hak untuk individu difitnah untuk melakukan tuntutan ganti rugi.

Sementara itu, sekiranya tindakan diambil adalah di bawah undang-undang jenayah, tindakan boleh dilaksanakan di bawah Seksyen 499 Kanun Keseksaan yang sekiranya pemfitnah terbabit didapati bersalah, boleh dijatuhkan hukuman penjara, denda atau kedua-duanya sekali.

Justeru, parti politik perlu bertanding secara budiman dan sentiasa mengawasi tingkah laku agar tidak melanggar undang-undang sedia ada. Pada masa sama, pengguna maklumat terutama pengundi mesti bijak dalam menyelidik maklumat sama ada benar atau sebaliknya.

Dalam konteks pengurusan maklumat, kawalan sendiri adalah cara paling berkesan untuk menangkis kesan buruk infodemic. Namun, gejala lambakan maklumat bukan lesen untuk menyekat maklumat sepenuhnya, bahkan ia isyarat menuntut maklumat dipantau dan diurus dengan baik.

Ini penting kerana kebebasan dan kewujudan maklumat tepat adalah nadi sangat penting dalam proses demokrasi, terutama memilih pemimpin.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH